

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.03.01/10.12/3 (14)
Tarikh : 25 Oktober 2018

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato/ YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2018
PENETAPAN PEGAWAI DAN HAD LIMIT KUASA MENANDATANGANI SURAT
SETUJU TERIMA, SURAT NIAT DAN PERJANJIAN KONTRAK DI UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2018 iaitu Penetapan Pegawai Dan Had Limit Kuasa Menandatangani Surat Setuju Terima, Surat Niat Dan Perjanjian Kontrak Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato Sri/ YH Prof. Dato/ YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

ZO/HAI/Pekeliling Bendahari



PEKELILING BENDAHARI BIL 5 TAHUN 2018

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PENETAPAN PEGAWAI DAN HAD LIMIT KUASA MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA, SURAT NIAT DAN PERJANJIAN KONTRAK

TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini adalah untuk memaklumkan mengenai kuasa secara bertulis dan secara khusus kepada Pegawai-Pegawai Universiti mengikut jawatannya untuk menandatangani apa-apa kontrak, surat setuju terima dan surat niat yang melibatkan perbelanjaan Universiti di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

LATAR BELAKANG

- 2.1 Penurunan Kuasa ini selaras dengan seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 yang memperuntukkan bahawa tiap-tiap Pegawai Pengawal hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kewangan di bawah Seksyen 4, menetapkan had mana kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberi atau dikenakan ke atasnya boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan memberi arahan-arahan tertentu sebagaimana yang perlu untuk menjamin perjalanan atau pelaksanaan sempurna kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut;
- 2.2 Mengikut seksyen 50 kepada Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang (P.U (A) 464 yang menyatakan bahawa apa-apa kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti hendaklah dibuat secara bertulis bagi pihak Universiti oleh mana-mana

pekerja Universiti yang diberi kuasa sewajarnya oleh Lembaga sama ada secara khusus dalam apa-apa hal tertentu atau secara am bagi semua kontrak di bawah suatu nilai tertentu atau selainnya, sebagaimana yang ditetapkan dalam pemberikuasaan itu;

- 2.3 Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 12 Oktober 2018 yang meluluskan pemberikuasaan kepada Pegawai dengan had limit kuasa seperti perenggan 3.

PENETAPAN PEGAWAI DAN HAD LIMIT KUASA MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA, SURAT NIAT DAN PERJANJIAN KONTRAK

- 3.1 LPU meluluskan penetapan pegawai dan had limit kuasa menandatangani surat setuju terima, surat niat dan perjanjian kontrak dengan pihak pembekal di Universiti Malaysia Pahang seperti berikut:

3.1.1 Pegawai yang dinamakan oleh Kementerian Kewangan bagi nilai melebihi RM100 juta;

3.1.2 Naib Canselor bagi nilai :

- (i) Melebihi RM500,000.00 sehingga RM100 juta untuk perolehan secara tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH);
- (ii) Melebihi RM5 juta sehingga RM100 juta untuk perolehan secara tender yang dikeluarkan Jabatan Bendahari.

3.1.3 Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi nilai sehingga RM5 juta untuk projek perolehan secara sebutharga atau tender yang diuruskan oleh Jabatan Bendahari;

3.1.4 Pengarah, (JPPH) bagi nilai sehingga RM500,000 untuk projek perolehan secara sebutharga atau tender yang diuruskan oleh JPPH;

3.1.5 Timbalan Bendahari atau Pegawai Perolehan untuk projek perolehan di bawah nilai RM20 juta sekiranya Naib Canselor dan Bendahari dan Pengarah JPPH mempunyai konflik kepentingan selaku Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat yang menyertai sebutharga atau tender.


3.2 Sebarang pengecualian daripada arahan yang ditetapkan dalam Pekeliling Bendahari ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada LPU. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mana-mana pegawai yang gagal mematuhi arahan yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 1 November 2018.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 26 Oktober 2018

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta